

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia / PUKONSA / UPKJ / Kementerian Kewangan dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat Yang Memanggil Sebut Harga	Tajuk Projek	Taraf/ *Jenis Pendaftaran	Gred, Kategori & Pengkhususan/Kelas, Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub-Kepala	Kaedah Penjualan Dokumen Sebut Harga	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Ditutup
Bahagian Pembangunan Prasarana, Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia	Penyelenggaraan Kemudahan / Infrastruktur Di Homestay Selama, Perak. KPK/PP/Q/8/2021	Bumiputera / T1	CIDB <u>Gred G1</u> <u>Kategori B & CE & ME</u> <u>Pengkhususan</u> <u>B04</u> (Kerja-kerja Am Bangunan) <u>CE21</u> (Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam) <u>(E11)</u> (Kerja Am Elektrik)	Dokumen Sebut Harga akan dijual secara atas talian. Pautan memuat turun dokumen akan diberikan kepada penyeput harga yang berjaya menghadiri taklimat sebut harga dalam talian. <u>Tarikh Dokumen Mulai Dijual</u> 11 Jun 2021 (Jumaat) hingga 16 Jun 2021 (Rabu)	RM50.00 Bayaran bagi dokumen sebut harga hendaklah dibuat secara dalam talian: <u>Bank :</u> CIMB Berhad <u>Nama :</u> Akauntan Negara Malaysia-MOTAC-T <u>No. Akuan:</u> 8602 6560 07	<u>Tempat</u> Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Perak No. 7&9, Jln Medan Istana 3, Bandar Ipoh Raya 30000 Ipoh Perak Darul Ridzuan <u>Tarikh Sebut Harga Ditutup</u> 23 Jun 2021 (Rabu) <u>Waktu Sebut Harga Ditutup</u> 12.00 tengah hari

Penyeput harga yang berminat untuk menyertai sebut harga ini hendaklah mendaftar di atas talian menggunakan [Google Form](#) di pautan <https://forms.gle/4dFXLddM85gESwLB> bermula dari tarikh **4 June 2021 sehingga 6 June 2021** dari **jam 8.30 pagi sehingga jam 5.30 petang** sahaja. Pautan pendaftaran ini akan ditutup serta-merta selepas daripada tarikh dan waktu yang dinyatakan tersebut.

Hanya penyeput harga yang berjaya melepassi saringan di peringkat pendaftaran akan diberikan pautan bagi menyertai taklimat sebut harga secara atas talian yang akan diadakan **pada 10 Jun 2021 (Khamis) Jam 2.00 petang.**

Taklimat sebut harga secara atas talian ini adalah **DIWAJIBKAN**. Oleh itu, penyeput harga yang telah menerima pautan taklimat sebut harga hendaklah mematuhi tarikh dan masa yang telah diberikan oleh Urusetia. Hanya penyeput harga yang berjaya hadir taklimat tapak sehingga selesai akan diberikan resit kebenaran membeli dokumen sebut harga. Kementerian tidak akan bertanggungjawab bagi mana-mana pembayaran yang dibuat oleh mana-mana individu/syarikat yang tidak memasuki taklimat sebut harga dan tidak memperoleh resit kebenaran pembelian dokumen.

Lawatan tapak secara fizikal adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Penyebut Harga dibenarkan membuat lawatan ke tapak dengan mematuhi SOP yang telah dikeluarkan oleh MKN. Kementerian ini tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak penyebut harga bagi tujuan lawatan tapak tersebut.

Adalah diingatkan agar penyebut harga bersedia dengan alamat emel yang sah serta ketersediaan talian internet yang stabil bagi kesemua kaedah sebut harga yang dijalankan secara atas talian bagi memastikan penyampaian maklumat adalah lancar.

Adalah di ingatkan juga pembelian dokumen sebut harga mestilah menggunakan akaun syarikat. Penyebut harga dibenarkan mengemukakan **satu (1) tawaran sebut harga sahaja**.

* sesi taklimat sebut harga yang diwajibkan, hanya **penama yang tercatat di dalam sijil PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri sesi taklimat berkenaan. Kontraktor/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA dan UPKJ**.

* Bayaran bagi dokumen sebut harga hendaklah dibuat melalui pindahan atas talian di **No Akaun: 8602 6560 07 Bank : Cimb Berhad Nama : Aktauntan Negara Malaysia-MOTAC T**. Setelah membuat pembayaran, penyebut harga hendaklah email Salinan Resit Pembayaran kepada miewmc008@gmail.com bagi membolehkan pautan memuat turun Dokumen Sebut harga diberikan kepada penyebut harga.

* Bagi tujuan pendaftaran atas talian, penyebut harga dikehendaki memuat naik perakuan/sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan (jika berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil Kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera (jika berkenaan).

- * Jenis Pendaftaran:
- | | | |
|----|---|--|
| T1 | - | Syarikat yang 100% milik tempatan. |
| A1 | - | Syarikat yang 100% milik tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL dan mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah 100% oleh warganegara. |
| A2 | - | Syarikat yang 100% milik tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL ATAU Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara |